



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pusat Peperiksaan LPKKKP
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 | Emel : wecare[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (48)

Tarikh : 07 Julai 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN SSS DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) SSS

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN SYARAT DAN FORMAT PEPERIKSAAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK (SSS)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) telah bersetuju dan meluluskan penggunaan Syarat dan Format Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak (SSS) baharu bermula sesi peperiksaan Julai 2025.

3. Berikut adalah perubahan bagi pendaftaran peperiksaan, Syarat dan Format Peperiksaan SSS dan kadar yuran mengikut kertas/ bahagian ;

i. Pendaftaran Peperiksaan

Calon perlu mendaftar peperiksaan secara individu dan menjelaskan yuran peperiksaan SSS melalui sistem peperiksaan dalam talian melalui laman sesawang NIOSH (www.niosh.com.my > Examination > Register Examination).

ii. Syarat Kemasukan

Bermula 01 Julai 2025, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam **tempoh satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

iii. Syarat dan Format Peperiksaan

- a) Calon baharu perlu menduduki kedua-dua bahagian Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) dalam satu sesi peperiksaan yang sama.
- b) Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau Bahagian B).
- c) Calon berstatus ulangan sebelum sesi peperiksaan Julai 2025 perlu menduduki peperiksaan soalan baharu bagi kedua-dua bahagian Kertas 2 (A & B) dan mengulang bahagian yang gagal sahaja.

d) **Komposisi kertas, format dan kadar yuran**

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	60	1 jam 30 minit	50%	30/60	RM100
	B	Soalan Struktur	3	2 jam	50%	40/80	
		Soalan Esei	1				
2*	A	Penilaian Tapak	-	30 minit	50%	25/50	RM100
	B	Pembentangan	-	10 minit	50%	50/100	RM150
		Sesi Soal & jawab	-	10 minit			
JUMLAH							RM350

4. Calon berstatus ulangan yang telah menduduki peperiksaan pertama bermula Julai 2023 akan diberikan tempoh lanjutan selama **satu (1) tahun** untuk melengkapkan peperiksaan SSS sehingga 30 Jun 2026.

5. Calon digalakkan untuk menghadiri sesi kursus peralihan SSS anjuran PLB sebelum menduduki peperiksaan SSS soalan baharu bermula sesi peperiksaan 22 Julai 2025.

6. Syarat dan Format Peperiksaan SSS baharu boleh dimuat turun menerusi laman sesawang NIOSH.

7. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



BAHRUDIN BIN MAMAT

Pengerusi Bersama

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)